

21/02/1997

1.6 bilion unit ASW sudah dibeli pelabur

KUANTAN, Khamis - Sejumlah lebih 1.6 bilion unit Amanah Saham Wawasan (ASW 2020) sudah dibeli oleh pelabur yang layak sehingga pertengahan bulan ini, kata Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib.

Menurutnya, baki unit yang masih boleh dibeli pelabur ialah 1.2 bilion untuk unit Bumiputera dan 240 juta unit lagi untuk bukan Bumiputera.

ASW 2020 yang mengandungi unit bernilai RM3 bilion dilancarkan pada 28 Ogos lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mula dijual kepada masyarakat Malaysia berusia di antara 12 dan 29 tahun pada 2 September lalu.

PNB memperuntukkan 51 peratus atau RM1.53 bilion unit ASW 2020 kepada Bumiputera manakala 49 peratus atau RM1.47 bilion lagi ditawarkan kepada bukan Bumiputera.

Hilmey berkata, usaha kerajaan negeri ini melalui Yayasan Pahang (YP) menggalakkan pelajar yang menerima biasiswanya melabur dalam ASW 2020 membabitkan nilai pelaburan lebih RM1 juta perlu dicontohi oleh negeri lain.

Bagaimanapun, katanya kempen seumpama itu tidak akan memberi kesan yang baik sekiranya remaja tidak mendapat pendedahan wajar mengenai ilmu pelaburan.

Sehubungan itu, PNB melalui anak syarikat milik penuhnya Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) mewujudkan sudut pelaburan di semua pejabat cawangan ASNB di setiap negeri.

"Sudut itu sudah dan akan dilengkapi dengan kemudahan komputer talian terus dengan Bursa Saham Kuala Lumpur," katanya pada Majlis Pelancaran Program Galakan Pelaburan ASW 2020 bagi pemegang biasiswa sekolah menengah YP di sini, hari ini.

Melalui program itu, seramai 16,825 pelajar dari 125 sekolah menengah di bawah tajaan YP akan melabur sebanyak RM100 setiap seorang sebagai permulaan.

Semua pelajar terbabit menerima biasiswa sebanyak RM300 setahun dan caruman sebanyak RM100 itu akan dipotong secara automatik.

(END)